

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 25/6/2013

Muka surat: 4

Tajuk : 450 Mahasiswa Mulakan Kembara 7 Hari.

450 mahasiswa mulakan kembara 7 hari

Kota Samarahan: Seramai 450 mahasiswa mewakili tiga institusi pengajian tinggi (IPT) di sini, semalam, memulakan penjelajahan tujuh hari Kembara IPT Kenyalang (KIK) bertemakan Siswa Menabur Bakti.

Mereka yang mewakili Universiti Sarawak Malaysia (UNIMAS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) akan menjelajah Simunjan, Serian dan Asajaya sebelum kembali ke Kota Samarahan.

Pengarah Program, Muhammad Zul Syafiq Abdul Wahab, berkata kembara itu bertujuan menerapkan lapan teras kokurikulum dan kemahiran insaniah yang digariskan dalam Program Pembangunan Sahsiah dalam kalangan mahasiswa.

Katanya, program itu mampu membudayakan kemahiran intelek dan akademik kepada masyarakat setempat di setiap lokasi persinggahan.

“Bakal graduan juga mampu melatih diri bagi berdepan masyarakat dan saya yakin program ini mampu menjadi pemangkin mempersiapkan mereka melangkah ke alam pekerjaan selepas bergelar graduan nanti,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelepasan Peserta KIK di Dewan Delima UNIMAS, di sini, semalam.

Majlis pelepasan peserta disempurnakan Residen Samarahan, Ismail Mohd Hanis. Turut hadir, Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi.

Pengisian kembara itu dibahagikan kepada beberapa segmen merangkumi siswa profesional, siswa cergas, siswa kreatif, siswa intelek, siswa gemilang, siswa beriman dan siswa prihatin yang akan dijalankan bersama masyarakat setempat.